

18 FEB 2003

NAM-Qatar/I

QATAR SETUJU PERBINCANGAN TIDAK RASMI OIC DI KUALA LUMPUR

PUTRAJAYA, 18 Feb (Bernama) -- Qatar, pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ketika ini, telah bersetuju dengan usaha Malaysia mengadakan perbincangan tidak rasmi di kalangan negara anggota OIC mengenai isu yang melibatkan dunia Islam, yang akan diadakan pada acara sampingan Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) di Kuala Lumpur minggu depan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Amir Qatar, Amir Hamad Khalifa Al-Thani telah berbincang mengenai perkara itu semalam.

"Qatar telah bersetuju dan mereka menyokong perbincangan tidak rasmi itu," katanya kepada pemberita selepas satu majlis di Wisma Putra hari ini.

Beliau berkata Menteri Luar Qatar Sheikh Hamad Jaseem Al-Thani telah menelefon beliau semalam untuk menyatakan sokongan negaranya terhadap perbincangan tidak rasmi itu dengan perhatian utama kini terhadap kemungkinan berlakunya perang terhadap Iraq yang diketuai Amerika Syarikat dan konflik Israel-Palestin yang semakin meruncing.

Qatar pada mulanya tidak bersetuju terhadap rancangan Malaysia untuk mengadakan perbincangan tidak rasmi itu yang dijadual pada 26 Feb, sehari selepas Sidang Kemuncak NAM.

Syed Hamid berkata Qatar telah juga meminta sokongan Malaysia dalam mengadakan sidang kemuncak tergepar OIC di Doha pada satu tarikh yang akan diputuskan kemudian.

Malaysia akan menyokong penganjuran sidang kemuncak itu, katanya.

Mengenai perbincangan tidak rasmi di Kuala Lumpur, Syed Hamid berkata ia akan dipengerusikan oleh Dr Mahathir dan akan diadakan dengan mengambil kesempatan terhadap kehadiran ramai pemimpin OIC pada Sidang Kemuncak NAM. Daripada 114 negara anggota NAM, 50 adalah anggota OIC.

Beliau berkata perbincangan itu akan membolehkan para pemimpin berkenaan bertukar-tukar pendapat ke arah persefahaman yang lebih baik mengenai isu-isu semasa dan menangani perkara yang mendesak berkaitan masyarakat Islam di seluruh dunia.

Perbincangan itu adalah di luar lingkungan Piagam OIC dan ia tidak boleh memutuskan sebarang resolusi, katanya.

Syed Hamid berkata surat jemputan telah dihantar kepada negara-negara OIC semalam dan beliau percaya mereka akan menerima idea untuk berunding antara satu sama lain dalam forum seumpama itu.

"Adalah menyedihkan jika perang terhadap Iraq berlaku semasa OIC belum pun sempat untuk menyatakan pandangannya (mengenai krisis itu)," katanya.

-- BERNAMA

MNY MAM MFJ RON